

Pemaju gagal siap projek akan disenarai hitam

Oleh [Asrol Awang](#) - Ogos 30, 2024 @ 11:23pm
bhnews@bh.com.my



Foto hiasan

KUANTAN: Pemaju yang gagal menyiapkan projek yang dilaksanakan Kerajaan Pahang selepas tempoh tiga kali lanjutan masa (EOT) diberikan akan disenarai hitam.

Setiausaha Kerajaan Pahang, Datuk Seri Zulkifli Yaacob, berkata kegagalan itu juga akan dilaporkan kepada Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) untuk tindakan selanjutnya.

Katanya, kerajaan negeri memandang serius terhadap sebarang kelewatan projek yang diluluskan kepada pemaju untuk disiapkan mengikut jadual yang ditetapkan.

"Ini kerana kegagalan menyiapkan projek yang diluluskan akan menjelaskan pembangunan negeri yang dirancang.

"Pelbagai mekanisme digunakan bagi memastikan projek dapat dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan.

"Antaranya ialah Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Projek, meningkatkan kekerapan ke tapak projek dan sebagainya," katanya dalam kenyataan media hari ini.

Beliau berkata, kerajaan negeri melalui peruntukan tahun lalu meluluskan RM319.5 juta bagi membiayai 211 projek pembangunan negeri Pahang.

Katanya, daripada jumlah itu, hanya empat projek lewat jadual dan selebihnya di pelbagai peringkat pelaksanaan dan mengikut jadual ditetapkan.

"Tahun ini, sejumlah RM374.9 juta diperuntukkan bagi menampung pelaksanaan sebanyak 249 projek di seluruh Pahang yang merangkumi 10 agensi pelaksana.

"Sehingga 31 Julai lalu, sebanyak lima projek lewat jadual," katanya.